

# **SEJARAH DAN KONSEP MATA WANG ISLAM**

Kamaru Salam Yusof

UNISSA Press  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali  
Negara Brunei Darussalam

1439H/2018M

UNISSA Press  
Pusat Penyelidikan dan Penerbitan  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali  
Simpang 347, Jalan Pasar Baharu  
BE1310, Gadong  
Negara Brunei Darussalam  
Laman Web: [www.unissa.edu.bn](http://www.unissa.edu.bn)

© Kamaru Salam Yusof

Cetakan Pertama 2018

**Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei  
Pengkatalogan Data-dalam-Penerbitan (Cataloguing-in-Publication)**

**KAMARU Salam Yusof**

Sejarah dan Konsep Matawang Islam / Kamaru Salam  
Yusof.--Bandar Seri Begawan : UNISSA Press, Universiti Islam  
Sultan Sharif Ali, 2018.

158p 15.24cm x 22.86cm.

ISBN 978-99917-82-87-4 (Softcover)

1. Money--Religious aspects--Islam 2. Islam--Money I. Title

332.409 KAM (DDC 23)

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara jua, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

**Reka Bentuk Hiasan Kulit Luar & Dicetak Oleh:**

Brunei Press Sdn. Bhd  
Negara Brunei Darussalam

**PENAFIAN**

Ini adalah dokumen yang tidak mengikat dan pandangan yang dinyatakan dalam buku ini adalah dari pengarang. Pandangan tersebut tidak semestinya merupakan pendirian rasmi Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

# Kandungan

Kandungan .....	vii
Pendahuluan pengarang .....	xi
<b>BAB 1 MATA WANG DALAM SEJARAH ISLAM.....</b>	<b>1</b>
Mata wang Arab sebelum Islam .....	1
Timbangan Berat Mata Wang .....	4
Mata wang di zaman Rasul .....	6
Nilai piawai dirham di zaman Nabi Sallallahu 'alayhi Wasallam.....	8
Mata wang di zaman Khulafa al-Rasyidin .....	11
Mata wang di zaman Umawi dan Abbasi.....	12
Awal Umawi .....	12
Zaman Khalifah 'Abd Al-Malik Bin Marwan .....	13
Mata Wang Di Zaman Abbasiah.....	20
Tulisan Pada Mata Wang Islam .....	21
Mata wang di zaman Othmani hingga hari ini.....	23
Penulisan ulama islam mengenai mata wang .....	26
Rumusan .....	29
<b>BAB 2 KONSEP MATA WANG MENGIKUT PANDANGAN ISLAM.</b>	<b>31</b>
Konsep umum mata wang di dalam al-quran dan hadis .....	32
Konsep Mata Wang Di Dalam Al-Quran.....	32
Di Dalam Hadis.....	40
Bentuk-bentuk yang dianggap mata wang .....	40

Keperluan menjaga mata wang .....	45
Pengharaman riba.....	47
Kewajipan Zakat .....	49
Rumusan .....	51
<b>BAB 3 MATA WANG SEBAGAI HARTA MENGIKUT ISLAM .....</b>	<b>53</b>
Definisi Harta (Al-MAL المال) Dan Kedudukan Mata Wang Semasa .....	54
Kesan perbezaan antara dua definisi; Hanafi dan Jumhur ....	59
Kedudukan mata wang kertas dan wang semasa sebagai harta.....	60
Pembahagian Jenis-Jenis Harta Dan Kedudukan Mata Wang Semasa .....	67
Adakah mata wang termasuk di dalam kategori nuqud atau 'urudh? .....	85
Kesimpulan.....	99
<b>BAB 4 Mata Wang Campuran (Al-Maghshushah- المغشوشة) Dan Al-Fulus Mengikut Islam.....</b>	<b>101</b>
Hukum Mata Wang Campuran (Al-Nuqud Al-maghshushah).....	104
Zakat.....	105
Riba .....	108
Jualbeli Salam .....	111
Modal <i>Mudarabah</i> (المضاربة).....	114
Membuat dan menggunakan mata wang campuran dalam muamalat .....	118
Kesimpulan.....	120
Mata Wang Al-Fals (Fulus) Menurut Pandangan Islam.....	121

Zakat.....	122
Riba .....	124
Kesimpulan.....	126
<b>BAB 5 Kedudukan Mata Wang Semasa Dan Hubungannya Dengan Mata Wang Emas Dan Perak .....</b>	<b>129</b>
Kestabilan Mata Wang Dan Penerimaan Ramai .....	130
Qiyas Kepada Mata Wang Emas Dan Perak .....	133
'illah hukum pada mata wang emas dan perak. ....	136
Implementasi hukum emas dan perak pada mata wang semasa .....	143
Kesimpulan.....	147
<b>PENUTUP .....</b>	<b>149</b>
<b>RUJUKAN .....</b>	<b>151</b>

## PENDAHULUAN

Segala puji bagi Allah, tuhan semesta alam. Dia yang telah menciptakan manusia dan mengirinkan rasul-rasul untuk membimbing manusia ke arah kebenaran dan jalan terbaik untuk manusia.

Solawat dan salam untuk Baginda Rasul yang telah melaksanakan amanah untuk menyampaikan Islam kepada seluruh alam. Dengan penuh penat dan susah payah, akhirnya Baginda *Sallallahu 'Alayhi Wasallam* telah meninggalkan dunia ini dalam keadaan manusia telah terbimbing di atas cahaya yang terang benderang.

Kehidupan manusia tidak dapat dipisahkan dari ekonomi. Samada ianya berbentuk aktiviti, medium, pengaruh, keperluan dan lain-lain. Ini semua kerana ekonomi adalah satu bahagian penting dalam kehidupan mereka yang tidak mungkin akan dapat dipisahkan. Islam yang datang telah memandu mereka dengan cara yang terbaik kerana Allah Maha Tahu bahawa manusia tidak mungkin akan dapat berfikir sendiri jalan cara hidup mereka secara baik dan teratur. Bimbingan Allah ini dipanggil sebagai Islam dan mengikut Islam adalah beerti mengikut seluruh ajaran dan panduan Allah itu.

Bimbingan Allah datang dalam pelbagai bentuk. Pengutusan para rasul yang terus menerus tidak putus sehingga Nabi terakhir *Sallallahu 'Alayhi Wasallam* adalah antara cara pemanduan Allah terhadap manusia. Para Nabi tersebut kadangkala dibekalkan pula dengan kitab-kitab suci. Kedua bentuk ini menjadi panduan kepada manusia selagi keduanya-duanya terpelihara. Menjadi kehendak Allah hanya Al-Quran sahaja yang kekal terpelihara dan ajaran

Baginda Nabi *Sallallahu 'Alayhi Wasallam* melalui sunnahnya sahaja dijagai oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Antara bimbingan dan panduan Allah kepada manusia di dalam bidang ekonomi ialah matawang. Ianya telah digunakan oleh manusia sejak dari awal kewujudan mereka di bumi ini. Perubahan dan kepelbagaian bentuk ini berlaku sepanjang sejarah hingga ke zaman Nabi Muhammad *Sallallahu 'Alayhi Wasallam*. Ianya telah disebutkan secara tidak langsung oleh Allah melalui beberapa ayat dan melalui perbuatan dan perkataan Baginda *Sallallahu 'Alayhi Wasallam*.

Perubahan bentuk matawang dan medium bayaran telah berlaku dengan begitu drastik pada hari ini. Pelbagai cara baru digunakan walaupun ianya masih berpaksi kepada perpindahan harta antara sesama manusia. Menjadi lumrah pula bagi sistem yang tidak mengikut cara Islam untuk melaksanakan apa sahaja yang difikirkan terbaik untuk mereka. Bagi seorang muslim, tidak semua cara dan bentuk adalah memenuhi dan mematuhi hukum syariah Islam yang telah diturunkan oleh Allah. Oleh itu, maka menjadi satu keperluan kepada seorang Islam untuk memahami dengan benar apa tujuan dan kepentingan matawang ini kepada manusia.

Buku ini cuba memberi saham dalam memahami matawang sebagaimana yang disebutkan oleh sarjana-sarjana Islam sejak dari awal Islam lagi. Moga-moga ia akan menambahkan rujukan umat Islam disamping bahan-bahan lain yang membentuk neraca nilai ekonomi Islam di zaman ini.

# BAB 1

## MATA WANG DALAM SEJARAH ISLAM

### *Mata wang Arab sebelum Islam*

Bangsa Arab sebelum Islam pernah menggunakan pelbagai kaedah muamalat sesama mereka dan dengan bangsa lain. Bagi bangsa Arab yang hidup secara kelompok kecil di padang pasir, cara yang lumrah dalam muamalah mereka ialah sistem tukar barang. Tetapi bagi bangsa Arab *Hadari* (حضاري) yang telah bertamadun, mereka dikesan telah menggunakan wang emas dan perak sejak awal lagi. Antaranya ialah Kaum Nabataean di Petra mempunyai mata wang khusus mereka sendiri yang diambil dari Greek. Ia diperbuat dari emas dan tercatat padanya nama raja mereka iaitu Harith Ketiga dan gelarannya 'Pencinta Greek' di dalam bahasa Greek. Begitu juga Raja 'Ubadah dan raja pertama mereka.<sup>1</sup>

Kerajaan Tadmur di Syria juga mempunyai mata wang mereka sendiri. Kesan arkeologi yang diperolehi menunjukkan pada wang emas mereka tercatat gambar Ratu Zanubia dan juga gambar anak lelakinya *Wahb al-Lat*.<sup>2</sup>

Bagi bangsa Arab lain, mereka tidak mempunyai mata wang khusus. Arab yang berada di bawah taklukan

---

<sup>1</sup> Hayil 'Abd al-Hafiz Yusuf Dawud. (1997). *Taghayyur al-qimah al-shar'iyah li al-nuqud al-waraqiyah*. Amman: Universiti of Jordan. hlm. 45.

<sup>2</sup> Ibid.

Parsi seperti Iraq dan Yaman menggunakan mata wang perak Parsi yang digelar Dirham. Pada muka wang tersebut terdapat gambar pemimpin Parsi dan di sebelah lagi terdapat gambar api yang disembah oleh orang Parsi. Kebanyakannya adalah dibuat semasa pemerintahan Yesdigird III, Hormuzd IV dan Khusraw II.<sup>3</sup>

Al-Baladhuriyy menyebutkan dalam kitabnya *Futuh al-Buldan*:

Dinar Rumawi sampai ke Mekah di zaman Jahiliyyah. Begitu juga dirham *al-Baghaliyyah* dari Parsi. Mereka tidak berjual beli menggunakan keduanya melainkan dalam bentuk kepingan emas (bukan mata wang).<sup>4</sup>

Bangsa Arab yang berada di bawah taklukan Rom pula seperti Syria dan Mesir menggunakan mata wang emas Rom. Pada muka wang tersebut terdapat gambar pemimpin Rom dan di sebelah yang satu lagi terdapat gambar salib lambang agama kristian.

Manakala bangsa Arab yang tinggal di tempat-tempat lain seperti Hijaz, mereka menggunakan kedua-dua mata wang tersebut yang dibawa pulang ketika mengadakan perniagaan di Yaman dan Syria.<sup>5</sup> Ada juga dikatakan mereka menggunakan mata wang Himyar Yaman.<sup>6</sup>

---

<sup>3</sup> The Encyclopaedia of Islam, Koninklijke Brill NV, Leiden, 1999, CD-ROM Edition v. 1.0. Jil. 2. hlm. 319; Encyclopaedia Britannica. 2000. (CD-ROM). 'coin'.

<sup>4</sup> al-Baladhuriyy, Ahmad bin Yahya bin Jabir. (1403H). *Futuh al-Buldan*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. hlm. 452.

<sup>5</sup> Hayil 'Abd al-Hafiz Yusuf Dawud. hlm. 45.

<sup>6</sup> Ahmad Hasan. (1999). *Al-Awraq al-Naqdiyyah fi al-'iqtisod al-Islamiyy*. Damshiq: Dar al-Fikr. hlm. 63.

Terdapat juga catatan sesetengah ahli sejarah yang menunjukkan terdapat penggunaan mata wang tembaga Rom. Walaupun ruang lingkupnya terhad tetapi cukup untuk menjadi bukti kewujudan mata wang ini sebelum Islam lagi.<sup>7</sup>

Sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini, wang emas dan perak tersebut digunakan secara timbangan dan bukannya kiraan bilangan.<sup>8</sup> Ini disebabkan wujudnya pelbagai bentuk dirham pada ketika itu dan setiap satunya berbeza-beza dari segi timbangan dan saiz.

Antara dua dirham yang masyhur ialah:<sup>9</sup>

- i) Dirham *Baghaliyyah* (البغلية): Ianya berasal dari Parsi dan diperbuat pada zaman seorang raja yang digelar *Ra's al-Baghal*. Beratnya lapan *dawaniq* (دوانق).<sup>10</sup>
- ii) Dirham *Tabariyyah* (طبرية): mendapat nama dari tempat ianya diperbuat iaitu Tabaristan (طبرستان). Beratnya ialah empat *dawaniq* iaitu separuh dari berat dirham *baghaliyyah*.

---

<sup>7</sup> Nahidh Daftar. (t.th) *al-Maskukat*. Kuwait: Dar al-Siyasah. hlm. 104 dipetik dari Hayil 'Abd al-Hafiz Yusuf Dawud. hlm. 57.

<sup>8</sup> Jorji Zaydan. (t.th). *Tarikh al-Tamadun al-Islamiyy*. Beirut: Manshurat Dar Maktabat al-Hayah Al-'Ilmiyyah. jil. 1. hlm. 133.

<sup>9</sup> Sadiq bin Hassan al-Qanuji. (1978). *Abjad al-'Uhum*. Beirut: Dar al-Kutub Al-'Ilmiyyah. Jil. 2. hlm. 119.; Jorji Zaydan, *Tarikh al-Tamadun al-Islamiyy*. jil. 1. hlm. 134; Hayil 'Abd al-Hafiz Yusuf Dawud. hlm. 46.

<sup>10</sup> Kata jamak kepada perkataan al-Daniq (الدانق). Bahasa Arab yang diambil dari bahasa Parsi. Ia adalah ukuran berat menyamai satu perenam dirham. Lihat Al-Fayyumiyy, Ahmad bin Muhammad bin 'Ali. (t.th). *al-Misbah al-Munir*. Beirut al-Maktabah Al-'Ilmiyyah. hlm. 201.

Selain dari jenis di atas, al-Imam al-Nawawiyy juga ada menyebutkan dirham lain bernama al-Khawarizmi dan lain-lain yang tidak disebutkan namanya.<sup>11</sup>

Dirham pula kadangkala dipanggil *al-wafi* (الوافي).<sup>12</sup>

Dinar yang digunakan oleh orang Arab pula mempunyai berat yang sama sahaja iaitu 1.7 berat dirham. Kadangkala juga ia dipanggil *al-mithqal* (المثقال).<sup>13</sup> Terdapat dua jenis dinar iaitu Dinar Hiraklius dan Dinar Kisra. Keduanya diperbuat dari emas, tetapi Dinar Hiraklius lebih cantik.<sup>14</sup>

### **TIMBANGAN BERAT MATA WANG**

Orang Arab sebelum Islam menggunakan pelbagai unit timbangan bagi menimbang duit emas dan perak. Antara unit-unit tersebut ialah:<sup>15</sup>

- i) *Ratl* atau *ritl* (رطل). Kata jamaknya ialah *artal* (أرطال). Menyamai 1428 gram timbangan hari ini.

---

<sup>11</sup> Al-Nawawiyy, Muhy al-Din bin Sharaf. (1417H/ 1996M). *Majmu' sharh al-Muhazzab*. Beirut: Dar al-Fikr. jil. 6. hlm. 13-14.

<sup>12</sup> Jorji Zaydan, *Tarikh al-Tamadun al-Islamiyy*. jil. 1. hlm. 134.

<sup>13</sup> Al-Fayyumiyy, Ahmad bin Muhammad bin 'Ali. (t.th). *al-Misbah al-Munir*. Beirut: al-Maktabah al-'Ilmiyyah. hlm. 83

<sup>14</sup> Jorji Zaydan, *Tarikh al-Tamadun al-Islamiyy*. jil. 1. hlm. 134.

<sup>15</sup> Hayil 'Abd al-Hafiz Yusuf Dawud. hlm. 47.

- ii) *Uqiyyah* (أوقية) dengan kata jamaknya *awaqi* dan *awaq* (أواق وأواقي). Beratnya bersama 40 dirham. Menyamai timbangan hari ini 119 gram.
- iii) *Nas* atau *Nashsh* (نص أو نش) bersamaan dengan berat 20 dirham. Menyamai timbangan hari ini 59.5 gram.<sup>16</sup>
- iv) *Nawah* (نواة) unit timbangan bersamaan 5 dirham. Menyamai timbangan hari ini 14.875 gram.<sup>17</sup>
- v) *Daniq* (دانق). Telah dijelaskan sebelum ini. Menyamai timbangan hari ini 0.495 gram.

---

<sup>16</sup> Disebutkan di dalam hadis Nabi *Sallallahu 'alayhi Wasallam* yang diriwayatkan oleh Muslim bahawa Aisyah ra telah ditanya berapakah maskahwin Rasulullah *Sallallahu 'alayhi Wasallam*. Beliau menjawab 12 Uqiyyah dan satu nashsh. Kemudian Aisyah bertanya tahukah kamu apa itu nashsh? Jawab yang bertanya: tidak. Kata Aisyah: setengah Uqiyyah. Lihat Muslim, *Sahih*, Kitab al-Nikah, Bab al-Sadaq wa jawaz kawnuha ta'lim Qur'an. Perkataan ini juga di dapati dalam hadis yang lain diriwayatkan oleh Al-Nasa'i di bawah kitab *Qat'u al-sariq*.

<sup>17</sup> Unit ini didapati dalam hadis yang diriwayatkan oleh 'Abd al-Rahman bin 'Aus ra. Ketika ditanya oleh Nabi *Sallallahu 'alayhi Wasallam*: Adakah kamu telah berkahwin? Jawab 'Abd al-Rahman: Ya. Tanya Nabi *Sallallahu 'alayhi Wasallam*: siapa. Jawab beliau: seorang wanita Ansar. Tanya Nabi *Sallallahu 'alayhi Wasallam* lagi: berapa engkau membayar maskahwinnya? Jawab 'Abd al-Rahman: seberat timbangan *nawah* dari emas. Lihat al-Bukhari, *Jami'*, Kitab al-Buyu', Bab fi qawlih ta'ala: fa'iza qudiyati al-solah.

- vi) *Qirat* (قيراط) unit timbangan bersamaan setengah *daniq*. Menyamai timbangan hari ini 0.247 gram.
- vii) *Habbah* (حبة) iaitu berat sebiji biji barli. Berat dinar menyamai 72 *Habbah* dan berat dirham pula menyamai 52.4 *habbah*. Berat *Habbah* menyamai timbangan hari ini 0.059 gram.

### ***MATA WANG DI ZAMAN RASUL***

Ketika Nabi *Sallallahu ‘alayhi Wasallam* diutuskan, masyarakat Arab masih menggunakan kedua-dua mata wang tersebut (Dinar Rom dan Dirham Parsi). Semasa di Mekah, tidak ada apa-apa perubahan yang dibuat oleh Nabi *Sallallahu ‘alayhi Wasallam* memandangkan masa di Mekah bukannya masa syariat muamalat dan penyusunan hukum ekonomi kerana masa tersebut adalah masa pemilihan dan peneguhan tenaga penegak Islam.

Apabila Nabi *Sallallahu ‘alayhi Wasallam* telah berpindah ke Madinah al-Munawwarah, Baginda mula membuat beberapa arahan yang berkaitan ekonomi dan muamalah. Antaranya ialah mengarahkan penggunaan timbangan masyarakat Mekah sebagai piawai dalam timbangan dan sukatan Madinah sebagai piawai sukat menyukat.

Di dalam sebuah hadis dinyatakan:

عَنِ ابْنِ عُمَرَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ  
الْوَزْنُ وَزْنُ أَهْلِ مَكَّةَ وَالْمِكْيَالُ مِكْيَالُ أَهْلِ الْمَدِينَةِ<sup>18</sup>

Maksudnya:

Daripada Ibn Umar katanya, sabda Rasulullah *Sallallahu 'alayhi Wasallam*: Timbangan (yang diterima pakai) ialah timbangan Ahli Madinah dan sukatan (yang diterima pakai) ialah sukatan Ahli Mekah.<sup>19</sup>

Walaupun begitu, Nabi *Sallallahu 'alayhi Wasallam* tidak merubah mata wang yang digunakan oleh masyarakat Islam pada masa tersebut. Mereka masih menggunakan dinar dan dirham yang ditempa di Rom dan Parsi. Segala nas yang berkaitan dengan hukum muamalat di dalam hadis-hadis Nabi *Sallallahu 'alayhi Wasallam* keseluruhan dirujuk menggunakan mata wang dinar dan dirham.<sup>20</sup> Ini adalah dalil yang cukup kuat menunjukkan bahawa Rasulullah *Sallallahu 'alayhi Wasallam* mengakui atau meng'*iqrar*'kan penggunaan mata wang yang diwarisi dari zaman jahiliyyah itu.

---

<sup>18</sup> Abu Dawud, *Sunan*, Kitab al-Buyu', Bab fi qawl al-Nabiyy: al-Mikyal mikyal al-Madinah. Menurut Imam al-Sayuti, hadis ini adalah hasan. Lihat *al-Jami' al-Saghir* hadis no. 9672. Hadis ini juga diriwayatkan oleh al-Bazzar, Darqutni dan Ibn Hibban. Ibn Hibban dan Darqutni telah menyatakan bahawa hadis ini adalah sahih. Lihat Muhammad Shams al-Haq al-'Azim Abadi. (1415H). '*Awn al-Ma'bud*. Beirut: Dar al-Kutub Al-'Ilmiyyah. jil. 9. hlm. 136.

<sup>19</sup> Hikmat arahan ini dibuat oleh Baginda *Sallallahu 'alayhi Wasallam* mungkin kerana orang-orang Mekah lebih tepat dalam pengendalian timbangan kerana mereka adalah masyarakat pedagang. Masyarakat Madinah pula adalah masyarakat petani yang sentiasa menggunakan sukatan dalam kehidupan mereka.

<sup>20</sup> Termasuk dalam masalah ini ialah nas-nas hadis mengenai riba, zakat, nisab hudud dan lain-lain.

Kesibukan Rasulullah *Sallallahu 'alayhi Wasallam* dalam usaha meneguhkan Kerajaan Islam yang baru tegak tidak memungkinkan Baginda *Sallallahu 'alayhi Wasallam* menguruskan perkara yang agak kurang penting seperti membuat mata wang khusus untuk negara Islam. Tambahan pula, apa yang membezakan hanyalah gambar yang terdapat pada mata wang tersebut sahaja yang agak tidak sesuai. Dari segi logamnya, bukanlah suatu yang menjadi masalah.

### ***NILAI PIAWAI DIRHAM DI ZAMAN NABI SALLALLAHU 'ALAYHI WASALLAM.***

Perbezaan bentuk dan saiz dirham yang wujud di zaman sebelum kedatangan Islam mungkin menimbulkan kekeliruan dalam masalah hukum yang ditetapkan oleh syarak. Adakah Baginda *Sallallahu 'alayhi Wasallam* menentukan bentuk atau saiz tertentu bagi dirham yang dipakai setelah Negara Islam tegak di Madinah atau hanya membiarkan masyarakat menggunakan pelbagai jenis dirham tersebut tanpa ada timbangan yang tetap?

Terdapat tiga pandangan ulama dan ahli sejarah dalam hal ini:

Pendapat Pertama:

Kebanyakan ulama dan ahli sejarah bersetuju bahawa Nabi *Sallallahu 'alayhi Wasallam* tidak menetapkan satu timbangan yang piawai bagi dirham. Baginda *Sallallahu 'alayhi Wasallam* mengakui apa yang telah diamalkan oleh masyarakat Arab sebelum Islam iaitu wujud tiga nilai dirham yang berlainan. Pemerintah pertama yang menyatukan nilai dirham ini ialah Khalifah 'Abd Malik bin Marwan semasa pemerintahan Umawi. Pendapat ini ditarjihkan oleh Ibnu Taymiyyah di dalam kitabnya *Majmu' al-Fatawa*. Kata beliau:

Apabila Rasulullah *Sallallahu 'alayhi Wasallam* menyebutkan dinar dan dirham kepada para sahabat Baginda *Sallallahu 'alayhi Wasallam*, baginda tidak pernah menyatakan dirham mana satu kepada mereka sedangkan terdapat pada masa tersebut pelbagai jenis dirham. Baginda *Sallallahu 'alayhi Wasallam* tidak menetapkan mana satu dirhamkah yang dimaksudkan sebagaimana yang telah dibuat oleh 'Abd Malik bin Marwan. Baginda *Sallallahu 'alayhi Wasallam* menyebutkan keduanya sebagaimana menyebut baju, seluar, kain, selendang, rumah, kampung dan lain-lain hasil produk manusia. Kalau ada batas tertentu yang perlu dijelaskan nescaya Baginda *Sallallahu 'alayhi Wasallam* telah jelaskan. Perbezaan nilai di kalangan orang ramai pada dinar dan dirham adalah satu perkara biasa (sama pada lain-lain barangan juga).<sup>21</sup>

#### · Pendapat Kedua:

Beberapa ahli sejarah pula berpendapat bahawa Nabi *Sallallahu 'alayhi Wasallam* tidak pernah meletakkan piawai timbangan bagi dinar dan dirham walaupun terdapat pelbagai timbangan bagi dirham. Pemerintah yang mula-mula melaksanakan nilai piawai ini ialah Khalifah Umar bin al-Khattab r.a bagi menjamin keadilan di kalangan orang ramai. Beliau telah mengambil nilai pertengahan iaitu enam *dawaniq* (دوانق).

---

<sup>21</sup> Ibn Taymiyyah, Ahmad bin 'Abd al-Salam al-Harrani. (t.th). *Majmu' al-Fatawa*. Ttp: tp. jil. 19. hlm. 251.

### Pendapat Ketiga:

Sesetengah ulama dan sejarawan Islam seperti al-Nawawiyy, Ibnu Khaldun dan al-Sayutiyy menolak pendapat yang mengatakan nilai dirham semasa awal Islam tidak ditetapkan. Hanya terdapat satu sahaja nilai timbangan dirham yang digunakan secara meluas iaitu enam *dawaniq*. Timbangan lain walaupun ada tetapi ianya tidak meluas dan popular.<sup>22</sup>

Pendapat ketiga adalah pendapat yang kuat dan mempunyai hujah yang agak logik. Apa yang disebutkan oleh Ibnu Taymiyyah agak meragukan kerana penentuan nisab zakat, nilai harga barangan, had untuk kes kecurian dan lain-lain hukum syarak yang memerlukan suatu nilai piawai tidak mungkin dapat dibuat dengan tepat dan akan menimbulkan perselisihan dalam masyarakat. Apa yang diutarakan oleh al-Nawawiyy, Ibnu Khaldun dan al-Sayutiyy adalah suatu yang munasabah kerana walaupun terdapat pelbagai saiz timbangan dinar dan dirham di seluruh kawasan tanah Arab, tetapi hanya jenis-jenis tertentu sahaja di gunakan di tempat tertentu. Inilah mungkin hikmah dari hadis piawai timbangan dan sukatan yang telah dijelaskan oleh Baginda *Sallallahu 'alayhi Wasallam* yang disebutkan di atas. Di Madinah mungkin hanya terdapat satu bentuk dinar dan dirham sahaja yang digunakan dengan meluas, maka penentuan piawai tidak perlu dinyatakan oleh Baginda *Sallallahu 'alayhi Wasallam* kerana semua ahli masyarakat negara Islam telah memahami maksud hukum syarak yang dijelaskan menggunakan unit-unit tersebut.

---

<sup>22</sup> Al-Nawawiyy, Muhy al-Din bin Sharaf, *Majmu' sharh al-Muhazzab*. jil. 6. hlm. 13-14; Ibn al-Khaldun, 'Abd Rahman bin Muhammad al-Hadramiyy. (1984). *al-Muqaddimah*. Beirut: Dar al-Qalam. jil 1. hlm. 261.

## **MATA WANG DI ZAMAN KHULAFAT AL-RASYIDIN**

Zaman Khulafa tidak menyaksikan suatu perubahan besar dalam sistem mata wang negara Islam. Zaman Khalifah Abu Bakr yang agak pendek tidak memungkinkan beliau memberi tumpuan kepada masalah ini. Masalah murtad dan meneruskan penyebaran Islam menjadi agenda utama beliau dalam masa 2 tahun lebih itu.

Ketika tiba tampuk pemerintahan Islam kepada Umar al-Faruq *radhiyallahu 'anhu.*, beliau telah mula membuat beberapa perubahan pada bentuk mata wang yang wujud. Walaupun perubahan tersebut kecil tetapi ianya adalah bibit awal pembentukan mata wang sendiri bagi kerajaan Islam. Antara yang dilakukan oleh Khalifah Umar ialah:<sup>23</sup>

- i) Memasukkan nama beliau pada sesetengah dirham Parsi.
- ii) Memasukkan beberapa kalimah Arab seperti Bismillah, Alhamdulillah dan lain-lain.

Mengikut al-Maqrizi, perubahan ini dilakukan oleh Khalifah Umar ra pada tahun 18H. Menurut setengah riwayat pula, ianya dilakukan pada tahun 20H dan beliau dianggap orang pertama membuat perubahan pada mata wang. Umar ra menggunakan tulisan kufi untuk tambahan-tambahan tersebut.<sup>24</sup> Inilah mata wang pertama Islam yang dicatatkan dan ianya mengandungi gambar dan nama Yazdegerd atau Yazdigrid III (memerintah Parsi antara tahun 11-31H bersamaan 632-651 M). Terdapat catatan Bism'illah pada penjurunya.<sup>25</sup>

---

<sup>23</sup> Hayil 'Abd al-Hafiz Yusuf Dawud. hlm. 49.

<sup>24</sup> Ahmad Hasan. hlm. 65.

<sup>25</sup> The Encyclopaedia of Islam. jil. 9. hlm. 593.

Terdapat ahli sejarah yang berpendapat Khalid bin Al-Walid telah membuat perubahan terhadap mata wang dinar Rom pada tahun 15H di Tabariyyah. Dr. Muller, seorang orientalis sejarah Jerman telah memperolehi gambar mata wang tersebut dan ianya masih berbentuk dinar Rom dengan salib dan mahkota. Salah satu dari mukanya tertulis nama Khalid dalam huruf Greek.<sup>26</sup>

Di zaman Khalifah Uthman dan 'Ali ra, tidak ada perubahan besar yang dibuat oleh keduanya. Mereka berdua meneruskan apa yang dilakukan oleh Khalifah Umar dengan menambah kalimah-kalimah tertentu pada mata wang Parsi dan Rom yang telah ada. Antara tambahan yang dibuat ialah penulisan nama tempat dan tarikh yang ditulis dengan huruf Parsi dan perkataan-perkataan '*Bismillah*', '*Barakah*', '*Bismillahirabbi*', '*Allah*' dan '*Muhammad*' yang ditulis dengan huruf kufi.<sup>27</sup> Gambar-gambar pemimpin Parsi dan Rom serta tanda agama mereka masih tetap wujud pada mata wang tersebut.

## ***MATA WANG DI ZAMAN UMAWI DAN ABBASI***

### **Awal Umawi**

Pada peringkat awal pemerintahan Umawiyah, urusan pengeluaran dan pengawalan wang banyak dijalankan oleh gabenor di setiap wilayah. Hajjaj bin Yusuf al-Thaqafiyy contohnya telah mengeluarkan mata wangnya sendiri. Begitu juga 'Abd Allah bin al-Zubayr ra juga mempunyai mata wang yang dikeluarkan semasa pemerintahannya dan dituliskan pada wang tersebut '*Abd al-Allah Amir al-Mu'minin*'. Saudaranya Mus'ab bin al-Zubayr juga mempunyai mata wang yang dikeluarkan semasa

---

<sup>26</sup> Jorji Zaydan, *Tarikh al-Tamadun al-Islamiyy*. jil. 1. hlm. 135.

<sup>27</sup> Ahmad Hasan. hlm. 66.

memerintah Iraq. Tetapi kesemua mata wang-mata wang ini masih tetap menggunakan mata wang Parsi dan Rom dengan beberapa tambahan unsur Islam.

Orientalis Jerman, Dr. Muller telah mengeluarkan satu bukti gambar mata wang yang dikeluarkan oleh Mu'awiyah bin Abi Sufiyan ra. Wang dinar tersebut berasal dari Parsi tetapi tercatat nama Mu'awiyah ra. padanya.<sup>28</sup>

Pada masa ini juga mata wang bukan emas dan perak telah lahir dan mula digunakan dengan meluas. *Al-Fals* atau kata jamaknya al-fulus digunakan bagi tujuan pembelian barang kecil dan murah. Walaupun ia telah digunakan oleh orang Rom sejak awal lagi tetapi ia tidak digunakan secara meluas di kalangan orang Arab sebelum penaklukan wilayah-wilayah Syria.<sup>29</sup>

### **ZAMAN KHALIFAH 'ABD AL-MALIK BIN MARWAN**

Keadaan berterusan hinggalah ke zaman Khalifah Umawi kelima 'Abd al-Malik bin Marwan.<sup>30</sup> Beliau telah meletakkan tiga matlamat dalam ekonomi mata wang.

- i) Membebaskan Negara Islam dari menggunakan mata wang asing (Parsi dan Rom). Pembebasan ini sama ada dari sudut ekonomi dan pembebasan dari unsur-unsur bukan Islam pada mata wang.
- ii) Menyatukan seluruh ummat Islam dengan satu mata wang sahaja setelah terdapat pelbagai mata wang

---

<sup>28</sup> Jorji Zaydan. jil. 1. hl. 135.

<sup>29</sup> The Encyclopaedia of Islam. jil.. 2. hlm. 768.

<sup>30</sup> Khalifah Umawi kelima. Beliau memerintah antara tahun 65-86H bersamaan 685-705M. Salah seorang khalifah yang awal cuba menyatupadukan sistem pentadbiran secara berpusat. Lihat *The Encyclopaedia of Islam*, Koninklijke Brill NV. jil. 1. hlm. 76.

yang dikeluarkan oleh gabenor dan ketua-ketua.<sup>31</sup> Ini menyebabkan kesukaran bagi umat Islam terutama bila terdapat perbezaan antara nilai dan berat antara mata wang-mata wang ini.

iii) Hanya kerajaan yang berhak mengeluarkan mata wang.

Bagi mencapai tujuan ini, pada tahun 76H, Khalifah 'Abd al-Malik telah mengeluarkan dinar Islam pertama dalam sejarah. Duit emas ini tidak lagi mempunyai gambar Kaisar Rom tetapi telah dituliskan dengan ayat-ayat al-Quran. Duit emas ini bernilai satu *mithqal* (مثقال). Beratnya lebih ringan sedikit dari dinar Rom iaitu 4.25 gram berbanding dinar Byzantine 4.55 gram.<sup>32</sup> Berat dinar yang diputuskan oleh 'Abd al-Malik ini adalah dipersetujui oleh *ahl al-Hall wa al-'Aqd* (أهل الحل والعقد)<sup>33</sup> dan semua semua

---

<sup>31</sup> Hayil 'Abd al-Hafiz Yusuf Dawud. hlm. 50.

<sup>32</sup> *The Encyclopaedia of Islam*. jil.. 2. hlm. 297; Encyclopaedia Britannica menyebutkan tarikh Khalifah 'Abd al-Malik mengeluarkan wang emas Islam pertama ialah pada tahun 698-699M dan tarikh pengeluaran wang perak 'dirham' Islam pertama ialah pada tahun 696-697M. Lihat Encyclopaedia Britannica Edisi 2000.

<sup>33</sup> *Ahl al-Hall wa al-'Aqd* mengikut bahasa ialah mereka yang berkelayakan untuk mengungkai dan mengikat. Mereka ialah orang yang mewakili ummat Islam bagi melantik dan menjatuhkan seseorang khalifah atau pemimpin lain. Mereka mestilah terdiri dari seorang Islam, berakal, cukup umur, adil, merdeka dan mampu menilai. Biasanya pada zaman dahulu mereka ialah orang yang mempunyai pengaruh di dalam masyarakat setempat dan ulama-ulama Islam. Pada hari ini kedudukan *ahl al-Hall wa al-'Aqd* hampir menyamai ahli parlimen dengan perbezaan-perbezaan pada syarat dan kelayakan. Lihat *The Encyclopaedia of Islam*. jil.. 1. hlm. 263.

sahabat serta tabi'in yang hidup di zaman tersebut.<sup>34</sup> Kemudian Khalifah juga telah memerintahkan dikeluarkan wang dirham Islam bagi menggantikan dirham Parsi. Wang dirham ini bernilai berat enam *dawaniq* (نوادق) dan dituliskan Surah al-Ikhlâs pada sebelah mukanya dan kalimah tauhid pada sebelah satu lagi.<sup>35</sup> Mata wang dirham ini digelar oleh fuqaha Islam sebagai al-dirham al-Islamiyy.<sup>36</sup>

Khalifah 'Abd al-Malik telah menubuhkan satu jabatan khusus bagi menjayakan usaha ini. Dilantik pekerja-pekerja yang bekerja menghasilkan mata wang untuk negara dan dikeluarkan undang-undang melarang orang ramai dari mengeluarkan wang. Orang ramai menghantar emas dan perak mereka ke jabatan ini untuk ditukarkan menjadi dinar dan dirham sebagaimana yang diceritakan oleh Sa'id bin Musayyab: "...sesungguhnya aku menghantar kepingan emasku ke Damsyik lalu ditempa untukku mengikut timbangan mithqal (sama seperti zaman) jahiliyyah..."<sup>37</sup>

Terdapat percanggahan pendapat di kalangan ahli sejarah tentang sebab sebenar yang mendorong Khalifah

---

<sup>34</sup> Muhammad al-Haj Nasir, al-Mu'amalat al-Islamiyyah wa taghyir al-'Umlah qimatan wa'aynan, *Majallah Majma al-Fiqh al-Islamiyy*, 5 (3): hlm. 1883.

<sup>35</sup> Al-Shaybaniyy, Muhammad bin Muhammad bin 'Abd al-Wahid. (1415H/1995M). *al-Kamil fi al-Tarikh*. Beirut: Dar al-Kutub Al-'Ilmiyyah.. jil. 4. hlm. 167; Hayil 'Abd al-Hafiz Yusuf Dawud. hal. 50.

<sup>36</sup> Lihat Ibrahim bin Muhammad bin 'Abd Allah al-Hanbali. (1400H). *Al-Mubdi'*. Beirut: al-Maktab al-Islamiyy. jil. 2. hlm. 364; al-Hadhramiyy, 'Abd Allah bin 'Abd Rahman. (1413H). *al-Muqaddimah al-Hadhramiyyah*. Damshiq: al-Dar al-Muttahidah. 1413H. hlm. 126.

<sup>37</sup> Hayil 'Abd al-Hafiz Yusuf Dawud. hlm. 54.

'Abd al-Malik mengeluarkan wang Islam ini. Ada yang mengatakan sebab agama yang mendorong beliau berbuat demikian. Yang dimaksudkan dengan sebab agama ialah wujudnya unsur-unsur yang tidak sesuai dengan Islam pada mata wang-mata wang tersebut. Ada juga ahli sejarah yang membabitkan sebab pertelingkahan antara beliau dengan Kaisar Rom pada masa itu.

Jorji Zaydan menyebutkan:

Khalifah 'Abd al-Malik ingin membuat perubahan pada mata wang Rom untuk ditukarkan menjadi bentuk Arab. Ini menyebabkan kemarahan Raja Rom. Raja Rom mengutuskan utusan bahawa beliau akan mengukir pada dinar-dinar Rom kata-kata yang mencela Nabi Sallallahu 'alayhi Wasallam. Khalifah 'Abd al-Malik merasa amat gusar lalu bermesyuarat dengan pembesar-pembesar Islam. Salah seorang dari mereka mencadangkan agar diminta nasihat Muhammad al-Baqir.

Muhammad al-Baqir telah membuat cadangan agar 'Abd al-Malik membuat mata wang sendiri dan dituliskan kalimah tauhid, nama *Nabi Sallallahu 'Alayhi Wasallam*, nama negeri dan tarikh diperbuat. Muhammad al-Baqir juga telah mencadangkan timbangan yang sepatutnya dibuat bagi dinar dan dirham tersebut.<sup>38</sup> Dinar yang dikeluarkan oleh Khalifah 'Abd al-Malik ini dinamakan *al-Damshiqiyyah* (الدمشقية).<sup>39</sup>

Al-Maqrizi menyebutkan cerita yang hampir sama di dalam kitabnya *Dhuzur al-Uqud fi Zikr al-Nuqud*:

'Abd al-Malik mengutus sepucuk surat kepada Raja Rom. Pada mukaddimah surat tersebut dituliskan

---

<sup>38</sup> Jorji Zaydan, *Tarikh al-Tamadun al-Islamiyy*. jil. 1. hlm. 136-137.

<sup>39</sup> al-Baladhuriyy, *Futuh al-Buldan*. hlm. 452.

'*Qul Huwa Allahu Ahad*' (قل هو الله أحد) dan disebutkan nama Nabi Muhammad *Sallallahu 'alayhi Wasallam*. Bila Raja Rom menerima surat tersebut, beliau menjadi marah lalu diutuskan sepucuk surat balasan kepada 'Abd al-Malik dengan katanya: "Jika engkau tidak buang kata-kata ini, nanti kami akan sebutkan dalam dinar-dinar kami perkara yang kamu tidak menyukainya". 'Abd al-Malik cukup marah dengan peristiwa ini lalu Baginda meminta pendapat orang ramai. Yazid bin Khalid menganjurkan kepada khalifah agar membuat mata wang sendiri dan tinggalkan mata wang Rom <sup>40</sup>

Mata wang yang dikeluarkan oleh 'Abd al-Malik ini pernah digelar dengan '*al-Makruhah*' (المكروهة) beerti yang tidak disukai. Terdapat sesetengah pendapat yang mengatakan ada para fuqaha pada masa tersebut tidak menyukainya kerana wujudnya tulisan ayat-ayat al-Quran, nama-nama Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan gambar-gambar pada muka mata wang tersebut. Mereka berpendapat ini akan mendedahkan ayat-ayat al-Quran dan nama-nama Allah itu jatuh ke tangan orang yang tidak patut memegangnya seperti orang musyrik, perempuan haid dan orang dalam junub. Perbuatan melakarkan gambar juga menurut mereka dilarang oleh Nabi Sallallahu 'alayhi Wasallam.<sup>41</sup> Walau bagaimanapun, seorang sarjana sejarah Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia, Ustaz Amat @ Anwar Haji Zainal Abidin menolak pandangan bahawa kritikan fuqaha ditujukan kepada permasalahan gambar

---

<sup>40</sup> Al-Maqrizi, Dhuzur al-Uqud fi Zikr al-Nuqud. hlm. 10 dipetik dari Shubir. (1416H/1996). *al-Mu'amalat al-Maliyyah al-Mu'asarah fi al-fiqh al-Islamiyy*. Amman (Jordan): Dar al-Nafiis. hlm. 146.

<sup>41</sup> al-Baladhuriyy, *Futuh al-Buldan*. hlm. 455; Muhammad al-Haj Nasir, *Majallah Majma' al-Fiqh al-Islamiyy*, 5 (3): hlm. 1884.

yang wujud pada mata wang Khalifah 'Abd al-Malik. Pandangan sejarawan Grierson yang memetik cerita ini dari terjemahan karya al-Maqrizi dalam bahasa Perancis adalah tidak berasas. Menurut Ustaz Amat, keseluruhan riwayat al-Maqrizi dalam hubungan ini hanya berkaitan dengan teraan ayat-ayat al-Quran pada mata wang dan bukannya gambar khalifah.<sup>42</sup>

Ada pendapat lain yang mengatakan nama *al-makruhah* itu disebabkan ada orang-orang bukan Arab tidak menyukai kekurangan timbangannya.<sup>43</sup>

Walau apa sebab dan kritikan yang ditujukan sekalipun, tindakan Khalifah 'Abd al-Malik ini merupakan satu sumbangan yang besar kepada negara dan ummat Islam.<sup>44</sup> Ia merupakan suatu yang tidak pernah dibuat oleh khalifah-khalifah yang lain sebelumnya semenjak kewafatan baginda Nabi *Sallallahu 'Alayhi Wasallam*. Tindakan ini boleh dikatakan kerana keadaan politik dan perkembangan Islam yang telah stabil dan membolehkan khalifah mula memberikan fokus kepada pembinaan ekonomi melalui penempatan wang sendiri.

Disamping mengeluarkan mata wang dinar, 'Abd al-Malik juga telah mengeluarkan dirham dan *fals*.<sup>45</sup> Antara mata wang fals yang paling lama pernah ditemui ialah bertarikh 87H / 705-706M yang ditempa di Damshiq.<sup>46</sup>

---

<sup>42</sup> Amat @ Anwar bin Haji Zainal Abidin, Sejarah Penggunaan Mata wang Dinar, Kertas Kerja Seminar Dinar Peringkat Kebangsaan, Kolej Universiti Islam Malaysia, 16 Mac 2002.

<sup>43</sup> al-Baladhuriyy, *Futuh al-Buldan*. hlm. 454.

<sup>44</sup> Ahmad Hasan. hlm. 67.

<sup>45</sup> *The Encyclopaedia of Islam*, Koninklijke Brill NV. jil. 9. hlm. 591.

<sup>46</sup> *The Encyclopaedia of Islam*, Koninklijke Brill NV. jil. 2. hlm. 768.

Usaha yang dilakukan ini antara lain juga telah dapat mengelakkan penipuan dan kewujudan mata wang palsu. Khalifah-khalifah Umawi selepas 'Abd al-Malik telah mengambil tindakan yang keras terhadap sesiapa sahaja yang cuba mempermainkan mata wang yang telah dikeluarkan oleh kerajaan. Diriwayatkan Hisham bin 'Abd al-Malik pernah memeriksa dirham yang ada pada orang ramai dan mendapati terdapat pembuat dirham mengurangkan satu *Habbah* (حبة) dari berat sebenarnya. Hisham telah memerintahkan setiap mereka yang melakukannya disebut seribu sebatan. Jumlah mereka pada ketika itu ialah 100 orang. Lalu disebut kerana satu Habbah tersebut 100,000 sebatan! <sup>47</sup>

Terdapat pelbagai jenis mata wang yang dikeluarkan oleh khalifah-khalifah Umawi selepas daripada itu. Antara yang terbaik ialah:

- i) Mata wang *al-Hubayriyyah* (الهبيرية) yang dikeluarkan oleh 'Umar bin Hubayrah.
- ii) Mata wang *al-Khalidiyyah* (الخالدية) yang dikeluarkan oleh Khalid bin 'Abd Allah.
- iii) Mata wang *al-Yusufiyyah* (اليوسفية) yang dikeluarkan oleh Yusuf bin 'Umar.

Khalifah al-Wasit dianggap salah seorang yang paling banyak menghasilkan mata wang. Beliau telah menubuhkan kilang-kilang mengeluarkan wang dirham di Damshiq pada tahun 84H (bersamaan 703-704M).<sup>48</sup>

---

<sup>47</sup> Al-Shaybaniyy, Muhammad bin Muhammad bin 'Abd al-Wahid, *al-Kamil fi al-Tarikh*. jil. 4. hlm. 167.

<sup>48</sup> The Encyclopaedia of Islam. jil. 2. hlm. 319.

Sungguhpun Khalifah telah mengeluarkan mata wang rasmi kerajaan Islam, namun sesetengah Gabenor terus juga mengeluarkan mata wang mereka sendiri. Ziyad bin Abihi, Musa bin Nusayr dan lain-lain gabenor menempa nama-nama mereka pada mata wang yang dikeluarkan.

### **MATA WANG DI ZAMAN ABBASIAH.**

Selepas perpecahan kesatuan khalifah di zaman Abbasiah, lebih ramai penguasa setempat mengeluarkan mata wang mereka sendiri. Walaupun begitu, suatu yang menarik, mereka tetap menuliskan nama khalifah pada mata wang tersebut sebagai tanda penghormatan dan kepatuhan kepada satu khalifah. Tetapi pemerintahan Umawi di Sepanyol dan Kerajaan Fatimiyyah di Utara Afrika mengeluarkan mata wang mereka yang terasing dari khalifah Abbasiah.<sup>49</sup> Ketika kebangkitan *al-Murabitun* (المرابطون) di Morokko pada tahun 449H hingga 541H (bersamaan 1057M - 1146M), mereka juga telah mengeluarkan mata wang sendiri. Begitu juga yang dilakukan oleh golongan *al-Muwahhiidun* (الموحدون) ketika berkuasa di sana pada tahun 540H (bersamaan 1146M).<sup>50</sup>

Mata wang Islam ini telah menjadi begitu popular termasuk di negara-negara Eropah selatan yang mengadap ke Laut Mediterranean. Dinar yang dikeluarkan oleh *al-Murabitun* digunakan di Eropah dan dikenali sebagai *morabiti* (atau *maravedi* di Sepanyol). Mata wang satu perempat dinar yang dikenali sebagai *taris* hasil keluaran kerajaan Fatimiyyah digunakan di Itali setelah dibawa masuk melalui Sicily. Dirham perak telah sampai dengan

---

<sup>49</sup> Ibid. jil. 9. hlm. 591.

<sup>50</sup> Ibid. jil. 9. hlm. 595.

# RUJUKAN

## Al-Qur'an al-Karim

- 'Abd al-Hamid al-Sharwaniyy. (t.th). *Hawashiy al-Sharwaniyy 'ala Tuhfah al-Muhtaj*. Beirut: Dar al-Fikr.
- 'Abd al-Malik bin 'Abd Allah bin Yusuf al-Juwayniyy. (1418H). *al-Burhan fi Usul al-Fiqh*. Mansurah(Mesir): Dar al-Wafa'.
- 'Abd al-Qadir bin Badran al-Dimashqiyy. (1401H). *al-Madkhal*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- 'Abd Allah bin Ahmad bin Qudamah al-Maqdisi. (1399H). *Rawdhah al-Nadhir wa Jannah al-Manazir*. Riyadh: Jami'ah al-Imam Muhammad bin Sa'ud.
- 'Abd Allah bin Ahmad bin Qudamah al-Maqdisi. (1405H). *Al-Mughni*. Beirut: Dar al-Fikr.
- 'Abd Mun'im al-Sayyid 'Ali. (1993). *al-Tatawwur al-Tarikhi li al-anzimah al-Naqdiyyah fi al-Aqtar al-'Arabiyyah*. Beirut: Markaz Dirasat al-Wahdah al-'Arabiyyah.
- 'Uthman bin 'Abd al-Rahman bin 'Uthman al-Shaharzewiyy. (1407H). *Fatawa Ibn al-Salah*. Beirut: Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam.
- 'Abd Allah bin Qudamah al-Maqdisiy. (1988M/1408H). *al-Kafiyy fi fiqh Ibn al-Hanbal*. Beirut: al-Maktab al-Islamiyy.
- 'Ali bin 'Abd al-Kafi al-Subki. (1404H). *al-Ibhaj*. Beirut: Dar al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- 'Ali bin Abi Bakr al-Mirghiyani. (t.th.). *Al-Hidayah Sharh al-Bidayah*. Beirut: Al-Maktabah al-Islamiyyah.
- 'Ali bin Ahmad bin Sa'id bin Hazm al-Zahiriyy. (t.th). *al-Muhalla*. Beirut: Dar al-Afaq al-Jadidah.
- 'Ali bin Muhammad al-Amidiy. (1404H). *al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabiyy.

- Ab. Mumin Ab. Ghani. (1999). *Sistem Kewangan Islam dan Perlaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Abu Dawud. *Sunan*.
- Abu Ishaq Ibrahim bin'Ali al-Shirazi. (1405H/1985M). *al-Luma' fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Abu Ja'far al-Tabariyy, Muhammad bin Jarir bin Yazid bin Khalid. *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ay al-Qur'an*.
- Abu Jaib, Sa'di. (1988). *al-Qamus al-Fiqhiyy Lughatan wa Istilahan*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Ahmad bin Ghanim bin Salim al-Nafrawiyy al-Malikiyy. (1415H). *al-Fawakih al-Dawani*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ahmad bin' Ali bin Hajar. (1379H). *Fath al-Bari*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Ahmad Hasan. (1999). *Al-Awraq al-Naqdiyyah fi al-'iqtisod al-Islamiyy*. Damshiq: Dar al-Fikr.
- al-Ab Anistas al-Karamliyy. (1987). *Rasa'il fi al-Nuqd al-'Arabiyyah wa al-Islamiyyah*. Kaherah: Maktabah al-Thaqafah al-Diniyyah.
- Al-Bahuti, Mansur bin Yunus bin Idris. (1982M/1402H). *Kashshaf al-qina'*. Beirut: Dar al-Fikr
- al-Baladhuriyy, Ahmad bin Yahya bin Jabir. (1403H). *Futuh al-Buldan*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Bukhari, Jami' Sahih.
- Al-Dasuqiyy, Muhammad 'Arafah. (t.th.). *Hashiyah al-Dasuqiyy*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Dimyatiyy, al-Sayyid Bakriyy bin al-Sayyid Muhammad Shata. (t.th). *I'annah al-Tolibin*. Beirut: Dar Fikr.
- Al-Fayyumiyy, Ahmad bin Muhammad bin 'Ali. (t.th). *al-Misbah al-Munir*. Beirut: al-Maktabah al-'Ilmiyyah.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad bin Muhammad. (1997M/1417H). *al-Wasit*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad bin Muhammad. (t.th.). *Ihya' 'Uhum al-Din*. T.tp.: t.pp.

- al-Hadhramiyy, ‘Abd Allah bin ‘Abd Rahman. (1413H). *al-Muqaddimah al-Hadhramiyyah*. Damshiq: al-Dar al-Muttahidah.
- al-Haskafiy, Muhammad Ala' al-Din bin'Aliy. (1386H). *Al-Dur al-Mukhtar sharh Tanwir al-Absor*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Khitabiyy. Ma'alim al-Sunan.
- Al-Maghribiy, Muhammad bin ‘Abd Rahman. (1398H). *Mawahib al-Jalil*. Beirut: Dar al-Fikr, Beirut.
- al-Maghrinaniy, Ali bin Abu Bakr. (1355H). *Bidayah al-Mubtadiy*. Kaherah: Matba'ah Muhammad 'Ali Sabih.
- Al-Murdawiyy, 'Ali bin Sulayman. (t.th.). *al-Insaf*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.
- Al-Nawawiyy, Muhy al-Din bin Sharaf. (1417H/ 1996M). *Majmu' sharh al-Muhazzab*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Nawawiyy, Yahya bin Sharaf. (1405H). *Rawdah al-Talibin*. Beirut: al-Maktab al-Islamiyy.
- Al-Nawawiyy, Yahya bin Sharaf. (t.th.). *Minhaj al-Talibin*. Beirut: Dar al-Ma'rifah. t.th.
- Al-Qadhi Muhammad Taqiyy al-'Uthmaniyy, Ahkam Awraq al-Naqdiyyah wa al-'umlat, Majallah Majma' al-Fiqh al-Islamiyy, 1408H/ 1987M, 3 (3): hal. 1683-1705.
- Al-Qadhi Muhammad Taqiyy al-cUthmaniyy, Ahkam Awraq al-Naqdiyyah wa al-'Umlat, Majallah Majma' al-Fiqh al-Islamiyy, 1408H/ 1987M, 3 (3): hal. 1683-1705.
- al-Qurtubiyy, Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakr bin Farh. (1372H). *al-Jami' li ahkam al-Qur'an*. Kaherah: Dar al-Sha'b.
- al-Sarakhsiyy. (1406H). *al-Mabsut*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Sayutiy, ‘Abd al-Rahman bin Abi Bakr. (1403H). *al-Ashbah wa al-Naza'ir*. Beirut: Dar al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Al-Sayyutiyy, ‘Abd al-Rahman bin al-Kamil Jalal al-Din. (1993). *Al-Dur al-Manthur*. Beirut: Dar al-Fikr.

- al-Sharbini, al-Shaykh Muhammad al-Khatib. (1958/1377H). *Mughni al-muhtaj*. Kaherah: Sharkah Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi wa al-Halabi wa awladuh.
- al-Shawkaniyy, Muhammad bin 'Ali bin Muhammad. (t.th.). *Fath al-Qadir*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Shaybaniyy, Muhammad bin Muhammad bin 'Abd al-Wahid. (1415H/1995M). *al-Kamil fi al-Tarikh*. Beirut: Dar al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Al-Shiraziyy, Ibrahim bin 'Ali bin Yusof. (t.th.). *al-Muhadhdhab*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.
- Al-Siwasi, Muhammad bin 'Abd Wahid. (t.th.). *Sharh Fath al-Qadir*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Ilmiyyah.
- al-Syawkaniyy, Muhammad bin Ali bin Muhammad. (1973). *Nayl al-Awtar*. Beirut: Dar al-Jil.
- al-Tabariyy, Muhammad bin Jarir bin Yazid bin Khalid. (1405H). *Jami' al-Bayan 'an ta'wil ay al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Tha'alabiyy, 'Abd al-Rahman bin Muhammad bin Makhlu'f. (t.th.). *al-Jawahir al-Hisan fi Tafsir al-Qur'an*. Beirut: Mu'assasah al-A'lamiyy li al-Matbu'at.
- al-Zarkashiyy, Muhammad bin Bahadur. (1405H). *al-Manthur*. Kuwait: Wizarah al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah.
- al-Zayla'i. (t.th.). *Nasb al-Ghayah*, t.p.. t.ttp.
- al-Zuhayli, Wahbah. (1985M/1405H). *al-Fiqh al-Islamiyy wa adillatuhu*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Ala' al-Din al-Kasaniy. (1982M). *'Bada'I' al-Sana'I'*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabiyy.
- Ali al-Sa'idiyy al-Adawiyy al-Malikiyy. (1412H). *Hashiyah al-'Adawiyy*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ali Salus. (t.th.). *al-Nuqud wa istibdal al-'Umlat*. Amman: Dar al-Bashir li an-Nashr wa al-Tawzi'.
- Amat @ Anwar bin Haji Zainal Abidin, Sejarah Penggunaan Mata wang Dinar, Kertas Kerja Seminar Dinar

Peringkat Kebangsaan, Kolej Universiti Islam Malaysia, 16 Mac 2002.

- Hayil 'Abd al-Hafiz Yusuf Dawud. (1997). *Taghayyur al-qimah al-shar'iyyah li al-nuqd al-waraqiyah*. Amman: Universiti of Jordan.
- Ibn al-Khaldun, 'Abd Rahman bin Muhammad al-Hadramiyy. (1984). *al-Muqaddimah*. Beirut: Dar al-Qalam.
- Ibn Hajar. (t.th.). *al-Fatawa al-Kubra al-Fiqhiyyah*. T.tp. t.pp.
- Ibn Kathir, Isma'il bin 'Umar bin Kathir al-Dimashqiyy. (1981M/1401H). *Tafsir Al-Qur'an al-'Azim*. Beirut: Dar al-Fikr
- Ibn Taymiyyah, 'Abd al-Salam bin 'Abd Allah. (1404H). *al-Muharrar fi al-Fiqh*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.
- Ibn Taymiyyah, Ahmad 'Abd al-Halim al-Harraniy. (t.th.). *Kutub wa Rasa'il wa Fatawa Ibn Taymiyyah fi al-Fiqh*. T.tp.:Maktabah Ibn Taymiyyah.
- Ibn Taymiyyah, Ahmad bin 'Abd al-Salam al-Harrani. (t.th.). *Majmu' al-Fatawa*. Ttp: tp.
- Ibnu Majah. Sunan.
- Ibrahim bin Muhammad bin 'Abd Allah al-Hanbali. (1400H). *Al-Mubdi'*. Beirut: al-Maktab al-Islamiyy.
- Imam al-Baydhawiyy. (1996M/1416H). *Tafsir al-Baydhawiyy*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Isma'il Salim 'Abd al-Al. (1412H/1992M). *al-Bahth al-Fiqhiyy: Tabi'atuhu khasa'isuhu usuluhu masodiruhu*. T.tp.: Maktabah al-Zahra'.
- Jorji Zaydan. (t.th). *Tarikh al-Tamadun al-Islamiyy*. Beirut: Manshurat Dar Maktabat al-Hayah Al-'Ilmiyyah.
- Majallah al-Ahkam al-'adliyyah. (t.th.). T.tp.: Kar Khanah Tijarat Kutub.
- Malik bin Anas. (t.th.). *al-Mudawwanah al-Kubra*. Riyadh: Wizarah al-Shu'un al-Islamiyyah
- Muhammad 'Ujjaj al-Khatib. (2003M/1424H). *Usul al-Hadith 'Ulumuhu wa Mustalatuhu*. Beirut: Dar al-Fikr.

- Muhammad al-Haj Nasir, al-Mu'amalat al-Islamiyyah wa taghyir al-'Umlah qimatan wa'aynan, Majallah Majma al-Fiqh al-Islamiyy, 5 (3): hal. 1883.
- Muhammad al-Sharbiniyy al-Khatib. (1415H). *al-Iqna'*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Muhammad Amin. (1386H). Hashiyah Ibn Abidin. Beirut: Dar al-Fikr.
- Muhammad bin 'Umar al-Nawawi al-Jawi. (t.th.). *Nihayah al-Zayn*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Muhammad bin Ahmad al-Samarqandiy. (1405H) *Tuhfah al-Fuqaha*. Beirut: Dar al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Muhammad bin Ahmad bin Juziyy al-Kalbiyy al-Gharnatiyy. (t.th.). *al-Qawanin al-Fiqhiyyah*. T.tp.: t.pp.
- Muhammad bin Ahmad bin Ramli. (t.th.). *Sharh Zayd Ibn Ruslan*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Muhammad bin Ali bin Muhammad al-Shaykaniyy. (1412H/1992M). *Irshad a-Fuhul*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Muhammad bin Idris al-Shafi'i. (1393H). *al-Umm*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Muhammad bin Muflih al-Maqdisiyy. (1418H). *al-Furu'*. Beirut: Dar al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Muhammad bin Muhammad Abu Hamid al-Ghazali. (1413H). *al-Mustasfa fi cilm al-Usul*. Beirut: Dar al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Muhammad bin 'Ali bin Tayyib al-Basriyy al-Muctaziliyy. (1403H). *al-Mu'tamad fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Dar al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Muhammad Sayyid al-Tantawi. (t.th). Al-Tafsir al-Wasit li al-Qur'an al-Karim. T.tp. t.p.
- Muhammad Shams al-Haq al-'Azim Abadi Abu al-Tayyib. (1415H). *'Awn al-Ma'bud*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Muhammad Taqiyy al-'Uthmaniyy, Majallah Majma' al-Fiqh al-Islamiyy, 1408H/ 1987M, 3 (3): hal. 1683-1705.

- Muslim. Sahih.
- Mustafa al-Zarqa'. (2004). *al-Madkhal 'ila al-Fiqh al-'am*. Beirut: Dar al-Qalam.
- Nahidh Daftar. (t.th) *al-Maskukat*. Kuwait: Dar al-Siyasah.
- Rafiq al-Misriyy. (1401H/1981M). *al-Islam wa al-Nuqud*. Jeddah: Markaz al-nashr al-'Ilmiyy Jami'ah al-Malik 'Abd al-'Aziz.
- Sa'di Abu Jayb. (1407H/1988M). *al-Qamus al-Fiqhiyy*. Damshiq: Dar al-Fikr.
- Sadiq bin Hassan al-Qanuji. (1978). *Abjad al-'Ulum*. Beirut: Dar al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Salleh Haji Ahmad. *Pengantar Syariat Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid Sdn. Bhd.
- Sheykh Ahmad al-Husayniy. (1329M). *Bahjah al-Mushtaq fi bayan Hukm Zakah al-Awraq*. Kaherah: Matba'ah Kurdistan.
- Shubir, Muhammad 'Othman. (1416H/1996). *al-Mu'amalat al-Maliyyah al-Mu'asarah fi al-fiqh al-Islamiyy*. Amman (Jordan): Dar al-Nafiis.
- Sidi Ahmad al-Dardir Abu al-Barakat. (t.th.). *al-Sharh al-Kabir*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Sulayman al-Jamal. (t.th.). *Hashiyah al-Jamal 'Ala sharh al-Manhaj*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.
- Zakariyya bin Muhammad al-Ansoriyy. (1418H). *Fath al-Wahhab*. Beirut: Dar al-kutub Al-'Ilmiyyah.
- Zayn bin Ibrahim bin Muhammad. (t.th.). *al-Bahr al-Ra'iq*. Beirut: Darul Ma'rifah.

### **Rujukan CD-ROM:**

Encyclopadia of Encarta. Microsoft.(CD-ROM)

Encyclopaedia Britannica. 2000. (CD-ROM).

The Encyclopaedia of Islam, Koninklijke Brill NV, Leiden,  
1999, CD-ROM Edition v. 1.0.

### **Rujukan atas talian:**

Atas Talian. <http://www.money.telegraph.co.uk/money/main.jhtml?xml=/money/euromoney/library/ceemu.xml&sSheet=/money/euromoney/library/ixlibrary.html>. Dimuat turun pada: 7 Mei 2005.